

SOALAN LAZIM –MYIMPACT DRIVE FINANCING–i MAYBANK ISLAMIC

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah myimpact Drive Financing-i Maybank Islamic?	myimpact Drive Financing-i Maybank Islamic adalah penyelesaian kewangan patuh syariah yang berasaskan kontrak jual beli Murabahah. Dengan kerjasama Perodua selaku pengeluar dan inovator Flexiplan, pelanggan dapat menikmati bayaran bulanan yang mampu milik, Jaminan Nilai Baki (<i>Secured Residual Value</i>) serta pilihan pemilikan kereta yang fleksibel membolehkan anda menyelesaikan pembiayaan, meneruskan atau menaik taraf kenderaan Perodua anda.
2.	Bagaimanakah skim pembiayaan baharu ini berbeza daripada pelan sewa beli standard?	Berbanding dengan pelan sewa beli standard, skim pembiayaan ini menawarkan pilihan pemilikan kenderaan yang lebih fleksibel seperti menukar kenderaan, menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya atau meneruskan bayaran untuk memiliki kenderaan tersebut secara penuh. Skim ini juga membantu memastikan kemampuan kewangan dengan menawarkan bayaran bulanan yang lebih rendah sehingga 16% berbanding sewa beli konvensional.
3.	Bagaimanakah cara untuk memohon pelan myimpact Drive Financing-i?	Anda boleh memohon melalui mana-mana bilik pameran Perodua yang bertauliah. Sebagai alternatif, anda juga boleh meminta panggilan semula daripada pegawai kami dengan mengisi maklumat anda melalui laman web kami.
4.	Adakah saya layak untuk memohon myimpact Drive Financing-i?	myimpact Drive Financing-i terbuka kepada semua (tertakluk kepada kelayakan), terutamanya bagi pelanggan yang cenderung menaik taraf atau menukar kenderaan mereka pada setiap 5 hingga 6 tahun. Pelan tersebut juga merupakan penyelesaian yang sesuai untuk pembeli muda atau graduan baharu yang ingin memiliki kenderaan dengan lebih fleksibiliti, kerana Perodua Flexiplan menawarkan pilihan beli balik kompetitif apabila pelanggan ingin menaik taraf kenderaan mereka kepada model baharu.

5.	Bolehkah saya memohon pelan ini jika saya bekerja sendiri atau sebagai pekerja bebas?	Ya. Individu yang bekerja sendiri dan pekerja dalam ekonomi bebas boleh memohon. Namun begitu, bukti sumber pendapatan tetap akan diperlukan untuk menilai kelayakan.
6.	Bolehkah saya menaik taraf kepada mana-mana model Perodua di bawah pelan ini?	Setakat ini, kami hanya menawarkan pilihan model Perodua yang layak seperti Myvi, Axia (kecuali Axia E), Atila dan Aroz.
7.	Adakah pelan pembiayaan ini ditawarkan untuk kenderaan baharu dan terpakai?	Pada masa ini, myimpact Drive Financing-i hanya ditawarkan untuk kenderaan baharu Perodua sahaja.
8.	Apakah yang dimaksudkan dengan Jaminan Nilai Baki (Secured Residual Value)?	Ia merupakan ciri istimewa yang ditawarkan oleh Perodua kepada pelanggan, di mana anda diberikan anggaran nilai jualan semula kenderaan anda apabila anda mencapai akhir tempoh pemilikan kenderaan pada tahun ke-5.
9.	Adakah saya layak menerima Jaminan Nilai Baki (Secured Residual Value) sekiranya saya memilih untuk menaik taraf atau menyelesaikan pembiayaan sebelum tempoh 5 tahun?	Jaminan Nilai Baki (<i>Secured Residual Value</i>) hanya dijamin sekiranya anda melengkapkan tempoh penuh 5 tahun seperti yang dipersetujui dalam kontrak pembiayaan dan memenuhi semua syarat kelayakan (seperti had perbatuan dan keadaan fizikal kenderaan dan lain-lain). Sekiranya anda memilih untuk menyelesaikan pembiayaan lebih awal atau menaik taraf kenderaan sebelum tempoh 5 tahun, Jaminan Nilai Baki (<i>Secured Residual Value</i>) tidak akan digunakan secara automatik kerana kenderaan tersebut belum mencapai tempoh yang ditetapkan untuk jaminan belian semula (<i>buyback guarantee</i>). Namun begitu, anda masih boleh menukar atau menjual kenderaan tersebut, tetapi nilainya akan berdasarkan harga pasaran semasa dan bukan Jaminan Nilai Baki (<i>Secured Residual Value</i>) yang telah dipersetujui sebelumnya.
10.	Adakah saya akan dikenakan caj jika saya menyelesaikan bayaran lebih awal daripada tempoh pembiayaan?	Tidak. Tiada caj tambahan dikenakan untuk penyelesaian awal pembiayaan.

11.	Adakah bayaran bulanan saya akan berubah dari semasa ke semasa?	Ya, walaupun bayaran bulanan di bawah pelan myimpact Drive Financing-i adalah tetap dan dipersetujui sejak awal berdasarkan kontrak Murabahah, pelanggan yang memilih untuk meneruskan bayaran bagi tempoh baki pembiayaan akan mengalami pelarasan semula bayaran bulanan.
12.	Selepas pelan Flexi 5 tahun saya telah tamat, bolehkah saya menjual kenderaan tersebut dan mendapatkan kenderaan lain daripada jenama yang berbeza?	Ya. Setelah tamat Flexi 5 tahun dan pembiayaan diselesaikan sepenuhnya, anda akan mendapat pemilikan penuh ke atas kenderaan tersebut dan bebas untuk menjual atau menukar kepada Perodua atau mana-mana jenama lain mengikut pilihan sendiri.
13.	Sekiranya saya tidak dapat menyelesaikan pilihan Flexi selama 5 tahun, bolehkah saya memanjangkannya kepada pembiayaan selama 9 tahun?	myimpact Drive Financing-i adalah pelan kewangan sehingga 9 tahun. Jika anda tidak dapat menyelesaikan pembiayaan dalam tempoh 5 tahun, anda boleh meneruskan dengan bayaran bulanan yang telah disemak semula bagi tempoh baki pembiayaan (4 tahun).
14.	Adakah pelan ini digabungkan dengan takaful, pakej servis atau perkhidmatan tambah nilai yang lain?	Ya. Kami menawarkan Takaful Terma Pengurangan Kredit (Credit Reducing Term Takaful), iaitu produk takaful daripada Etiqa yang memberikan perlindungan kewangan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh. Ia merupakan pakej menyeluruh yang mematuhi Syariah, bukan sahaja melindungi kenderaan anda tetapi juga memberi ketenangan kepada anda dan orang tersayang. Selain itu, anda juga boleh memilih untuk menggabungkan pembiayaan ini dengan pakej Perodua Total Protect Plus Flexi Motor, yang ditaja jamin oleh Etiqa General Takaful. Ia adalah penyelesaian takaful komprehensif yang direka khusus untuk kenderaan Perodua dan turut merangkumi kelebihan dari segi tambah nilai seperti Pulangan Tunai (<i>Cashback</i>) Drive Less Save More oleh Etiqa.

15.	Bolehkah saya memilih pelan perlindungan alternatif mengikut pilihan saya?	Untuk memastikan keselarasan penuh dengan struktur pelan myimpact Drive Financing-i, pelanggan dikehendaki mengambil pelan perlindungan yang telah digabungkan yang ditawarkan bagi memenuhi ciri unik pembiayaan ini serta memastikan perlindungan yang menyeluruh. Oleh itu, memilih pelan perlindungan luaran akan menyebabkan pelanggan tidak layak untuk tawaran ini.
16.	Jika kenderaan saya terlibat dalam kemalangan dan diisytiharkan sebagai kerugian penuh, apa yang akan berlaku kepada pelan saya? Adakah perlindungan takaful akan menampungnya?	Sekiranya kenderaan diisytiharkan sebagai kerugian penuh (contohnya akibat kemalangan besar atau kecurian), pelan perlindungan takaful yang digabungkan seperti Credit Reducing Term Takaful dan takaful motor mungkin akan menampung baki pembiayaan, tertakluk kepada terma dan syarat perlindungan. Pelanggan dinasihatkan untuk mengemukakan tuntutan melalui penyedia takaful masing-masing. Sekiranya terdapat jumlah yang tidak dilindungi, ia masih perlu dijelaskan oleh pelanggan bergantung kepada situasi.